



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

23 Januari 2024

KUMPULAN YAYASAN SABAH MELAKSANAKAN PROJEK BIOPROSPEK BAGI PEMBANGUNAN KELESTARIAN

KOTA KINABALU (Selasa): Dalam usaha pembangunan kelestarian dan melindungi kekayaan sumber biologi negeri Sabah, Kumpulan Yayasan Sabah telah menandatangani Memorandum Perjanjian Projek Bioprospek Penyelidikan dan Pembangunan Kulat Liar, Halia Liar dan Tumbuh-tumbuhan Ubatan dan Aromatik (TUB) dengan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 23 Januari 2024 di Sabah International Convention Centre.

Menandatangani bagi pihak Kumpulan Yayasan Sabah ialah Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar. Manakala, Jabatan Perhutanan Sabah diwakili oleh Ketua Konservator Hutan, Datuk Frederick Kugan dan Universiti Malaysia Sabah, diwakili oleh Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Kasim bin Haji Mohd. Mansur.

Majlis menandatangani memorandum perjanjian tersebut disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif.

Projek TUB ini merupakan inisiatif penyelidikan yang bertujuan untuk mengidentifikasi spesies kulat liar dan halia liar, khususnya Tuhau yang berpotensi untuk dikomersialkan pada masa hadapan sebagai langkah proaktif dalam mengatasi ancaman terhadap sekuriti makanan secara global.

Projek TUB ini telah dijalankan di Kawasan Konservasi Lembah Danum, Lembangan Maliau, Kanyon Imbak dan kawasan pemuliharaan seperti Projek Rehabilitasi Hutan Hujan Innoprise-FACE Foundation (INFAPRO) dan Projek Rehabilitasi Hutan Tropika Innoprise-IKEA (INIKEA) di bawah seliaan Kumpulan Yayasan Sabah.

Seperti yang termeterai dalam memorandum perjanjian yang ditandatangani, Projek TUB telah berjaya mendapat peruntukan sebanyak RM5 juta untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2021 hingga 2025 di bawah sumber dana Persekutuan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Projek TUB ini juga bertujuan untuk melahirkan siswazah PhD dan MSc dalam bidang berkaitan dan untuk membangunkan jaringan kolaboratif antara akademia dan agensi kerajaan dalam industri penyelidikan. Selain itu, projek ini telah melahirkan prototaip produk dan bio-kimia yang berbentuk novel serta mengintegrasikan pengetahuan teknologi melalui demonstrasi, penerbitan dan bengkel kepada komuniti dan usahawan setempat.

Inisiatif yang diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Perhutanan Sabah ini adalah dialu-alukan kerana terus komited untuk menyokong dan menyalurkan dana dalam memelihara dan memulihara sumber alam semula jadi dan usaha Kumpulan Yayasan Sabah serta Universiti Malaysia Sabah dalam menjayakan projek tersebut.

Kumpulan Yayasan Sabah yakin projek TUB ini akan mendorong dalam kemajuan bidang penyelidikan dan pembangunan serta inovasi yang diterajui, termasuklah di sektor hiliran bagi pengeluaran produk komersial yang akan menawarkan peluang ekonomi serta memastikan pengurusan sumber asli di Sabah secara mampan.

Pada majlis tersebut, Datuk Dr. Haji Arifin turut melancarkan dua buah buku yang bertajuk 'Kehidupan dan Adat Suku Murut Tangala' Kg. Inarad, Tongod' dan 'Kepercayaan, Ritual dan Adat Suku Tombonuo, Lingkabau, Sugut' yang diterbitkan oleh Kumpulan Yayasan Sabah.

Acara disusuli dengan seminar berkenaan dengan projek TUB dan dapatan hasil kajian yang terkini yang disertai oleh peserta daripada pelbagai jabatan, agensi, organisasi dan institusi. Seminar ini penting untuk mewujudkan kesedaran terutamanya tentang kepentingan melindungi khazanah hutan Sabah.



Gambar 1 : *Datuk Dr. Haji Arifin melawat pameran Projek Bioprospek Kulat Liar, Halia Liar dan Tumbuh-tumbuhan Ubatan dan Aromatik (TUB).*



Gambar 2 : *Dato' Sri Haji Gulamhaidar (duduk, dua dari kanan), Datuk Frederick Kugan (duduk, kanan) dan Profesor Datuk Dr. Kasim bin Haji Mohd. Mansur (duduk, kiri), menandatangani dokumen memorandum perjanjian sambil disaksikan oleh Datuk Dr. Haji Arifin (duduk, dua dari kiri).*



Gambar 3 : *Dato' Sri Haji Gulamhaidar (berdiri, dua dari kanan), Datuk Frederick Kugan (berdiri, kanan) dan Profesor Datuk Dr. Kasim bin Haji Mohd. Mansur (berdiri, kiri) menunjukkan dokumen yang ditandatangani sambil disaksikan oleh Datuk Dr. Haji Arifin (berdiri, dua dari kiri).*



Gambar 4 : *Datuk Dr. Haji Arifin menyempurnakan pelancaran buku 'Kehidupan dan Adat Suku Murut Tangala' Kg. Inarad, Tongod' dan 'Kepercayaan, Ritual dan Adat Suku Tombonuo, Lingkabau, Sugut' sambil disaksikan oleh Profesor Datuk Dr. Kasim bin Haji Mohd. Mansur (kiri), Datuk Frederick Kugan (dua dari kiri) dan Dato' Sri Haji Gulamhaidar (kanan).*



Gambar 5 : *Gambar berkumpul komuniti, penyunting buku dan penulis bersama Datuk Dr. Haji Arifin (tengah).*

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail
 Pengurus Kumpulan
 Bahagian Komunikasi Korporat
 Kumpulan Yayasan Sabah
 Tel : 088-326448
 Faks : 088-421526
 Emel : ynwaskarnail@gmail.com